

# 52,657 pembeli rumah babit 301 projek terbengkalai

**KUALA LUMPUR** - Seramai 52,657 individu di Semenanjung Malaysia dikenal pasti sebagai pembeli 301 projek perumahan swasta terbengkalai bagi tempoh 2009 hingga 31 Januari lalu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Dr. Ismail Abd Mutalib berkata, seramai 40,145 pembeli daripada 217 projek terbabit berstatus siap diduduki atau selesai.

"Sebanyak 14 projek dengan 5,295 unit membabitkan 4,116 pembeli sedang dipulihkan. Bagi status pemulihan dalam perancangan membabitkan 70 projek dengan 8,396 pembeli.

"KPKT sentiasa mengkaji, dan mengambil inisiatif untuk mengatasi masalah projek perumahan terbengkalai bagi membantu pembeli," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Ahmad Jazlan Yaakub

(**BN-Machang**) mengenai tindakan KPKT dalam menangani isu projek perumahan terbengkalai di negara ini.

Ismail berkata, antara inisiatif dilaksanakan adalah mengenal pasti pemaju berkeupayaan dan berpengalaman mengambil alih dan memulihkan projek rumah swasta terbengkalai.

Menurut beliau, KPKT sendiri turut melaksanakan pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai bagi kategori kos rendah dan sederhana rendah melalui peruntukan disediakan kerajaan.

Tambah beliau, kementerian itu turut bekerjasama dengan Jabatan Insolvensi Malaysia dan pelikuidasi swasta bagi membantu memulihkan projek perumahan terbengkalai.

Jelas beliau, KPKT bertindak sebagai pemudah cara bagi membantu pelikuidasi dan kontraktor penyelamat.